

Sudut Pandangan dalam 7 Hari Mencintaiku: Analisis Stilistik

Point of View in 7 Hari Mencintaiku: A Stylistic Analysis

NURUL ATIQA NOR AZMAN & MOHAMMAD FADZELI JAAFAR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis sudut pandangan pengarang dalam karya sastera moden. Teks yang dikaji ialah novel 7 Hari Mencintaiku oleh Siti Rosmizah. Makalah ini tertumpu kepada 138 bab keseluruhan. Kajian ini meneliti unsur modaliti yang digunakan pengarang untuk menggambarkan sudut pandangan ketiga serba tahu. Modul tata bahasa sudut pandangan Paul Simpson (1993) digunakan dalam mengkategorikan bentuk-bentuk modaliti yang dikenal pasti dalam teks kajian. Hasil kajian menemukan sejumlah 168 penggunaan bentuk modaliti yang terdiri daripada empat jenis modaliti, iaitu modaliti epistemik, modaliti keinginan, modaliti deontik dan modaliti persepsi. Modaliti epistemik menguasai pemilihan bentuk modaliti iaitu sebanyak 142 penggunaan, iaitu 60 modal kata bantu dan 82 modal kata kerja leksikal. Pengarang menggunakan leksikal tahu, yakin, dan pasti untuk kata kerja leksikal ragaman epistemik dan leksikal mungkin, akan, patut dan dapat untuk kata bantu ragaman secara produktif dalam memperlihatkan sudut pandangan ketiga serba tahu. Kesemua modaliti yang digunakan dalam karya ini menggambarkan pengarang berkeupayaan mengakses pemikiran dan perasaan watak secara bebas pada bila-bila masa. Dapatan kajian ini memberi gambaran tentang gaya pengarang Melayu yang cenderung menggunakan modaliti yang merepresentasikan kepastian dan ketidakpastian watak terhadap pengetahuan yang dimiliki oleh pengarang serba tahu. Selain itu, pengkajian sudut pandangan melalui unsur modaliti berupaya memperlihatkan bagaimana modaliti digunakan oleh pengarang dalam menunjukkan sikapnya terhadap pendapat dan kebenaran dalam peristiwa naratif. Kajian ini telah menyumbang tentang kajian sudut pandangan dalam teks sastera Melayu dari sudut stilistik.

Kata kunci: Sudut pandangan; modaliti; epistemik; stilistik; 7 Hari Mencintaiku

ABSTRACT

The study aims to analyse the narrator's point of view in modern literary texts. The text studied is 7 Hari Mencintaiku by Siti Rosmizah Ismail. The study concentrated on 138 chapters in the novel. This research focuses on analyzing modality used by the author to describe omniscient third person point of view. This study applies Paul Simpson's (1993) modal grammar of point of view in categorizing the modality forms that were identified in the research text. The result of the research indicates that there were 168 usages of modality forms which comprised four types of modalities which were epistemic modality, boulomaic modality, deontic modality and perception modality. Epistemic modality dominated the choice of modality form which was 142 usages, consisting of 60 modal verbs and 82 lexical verbs. The author used lexical "tahu", "yakin" and "pasti" for modal lexical verbs and lexical "mungkin", "akan", "patut" and "dapat" for modal auxiliary verbs productively in portraying the all-knowing third point of view. All the modalities used in this work displayed the author's ability to freely access the character's thoughts and feelings anytime. The findings provided the spectrum on the style of Malay author who was prone to use the modality which represents the character's certainty and uncertainty towards the knowledge of omniscient author. Besides that, the research on the point of view through the modality element shows the ability of how the modality was applied by the author in portraying her attitude towards the idea and truth in narrative events. This study has contributed about the studies of point of view in Malay literature text in the view of stylistics.

Keywords: Point of view; modality; epistemic; stylistic; 7 Hari Mencintaiku

PENGENALAN

Umumnya, peringkat permulaan penulisan sesebuah karya sama ada prosa klasik mahupun moden memerlukan pengarang memilih cara terbaik untuk mempersembahkan jalan cerita terutama daripada sudut sesuatu peristiwa yang akan dilihat dan difahami oleh pembaca. Mohammad Fadzeli Jaafar (2021) menyatakan penerokaan sudut pandangan dalam cereka dapat menggambarkan pandangan hidup atau ideologi pengarang. Pengarang mempunyai ruang untuk menentukan sejauh mana pembaca mengetahui maklumat yang disampaikan. Menurut Al-Alami (2019), sudut pandangan ialah kedudukan atau kehadiran pengarang dalam penerangan watak dan peristiwa. Neary (2014) menyatakan sudut pandangan merujuk kedudukan pengarang bercerita iaitu perspektif pengarang dalam membentuk teks. Sudut pandangan pengarang boleh diterjemahkan melalui unsur bahasa seperti kata ganti nama dan modaliti. Dalam kajian ini, sudut pandangan merujuk kepada keterlibatan pengarang dalam teks melalui unsur modaliti yang digunakan pengarang.

Modaliti ialah salah satu unsur bahasa yang dimanfaatkan untuk merakam deria, pemikiran dan perasaan (Parina dan Kristine 2014). Modaliti berperanan menunjukkan komitmen penutur terhadap kebenaran dan kesahan maklumat ujaran dan meminimakan kesan ujaran kepada pendengar (Verdonk 2002). Komitmen pengarang melalui modaliti tidak hanya terhad kepada kata bantu sahaja tetapi turut melibatkan adverba, adjektif, dan kata kerja leksikal (Fowler 1996). Konsep modaliti boleh digunakan untuk mengenal pasti cara linguistik memperlihatkan sudut pandangan, sama ada pertama, kedua dan ketiga ditunjukkan dalam naratif (Neary 2014). Dalam karya sastera, pengarang menggunakan modaliti untuk menunjukkan keterbatasan dan keserbatahuan sudut pandangan pilihannya.

Kajian ini menerapkan modul tatabahasa sudut pandangan yang dikemukakan oleh Simpson (1993) dalam mengenal pasti dan mengkategorikan jenis modaliti serta menjelaskan kesan penggunaan modaliti yang dapat memperlihatkan sudut pandangan pengarang. Kajian sudut pandangan dalam artikel ini dilakukan berdasarkan analisis stilistik, iaitu analisis linguistik yang mengenal pasti bagaimana satu unsur bahasa yang tertentu berkaitan dengan makna dan kesan (Semino 2004). Kecenderungan pengarang menggunakan sesuatu unsur bahasa secara dominan menjadi

minat dan tumpuan para pengkaji stilistik untuk menganalisisnya. Dalam maksudnya yang lain, analisis stilistik berusaha menjelaskan mengapa sesuatu karya itu dipandang tinggi secara sistematik dan eksplisit melalui pilihan unsur bahasa pengarang (McIntyre 2006).

KAJIAN LEPAS

Sudut pandangan ialah terma yang digunakan dalam teori dan kritikan fiksyen untuk menunjukkan kedudukan atau sudut penglihatan sesuatu cerita (Fowler 1979; Wales 2001). Tumpuan khusus dalam kritikan sastera di Barat sejak perkembangan novel pada abad ke-18 memperlihatkan perkembangan yang pesat dalam pengkajian sudut pandangan naratif (Neary 2014). Leech dan Short (1981), Simpson (1993, 2004), Short (1998, 2001) serta beberapa ahli stilistik yang lain membincangkan aspek sudut pandangan daripada aspek linguistik, seperti dieksis, nilai bahasa dan modaliti berbanding bidang sastera atau naratologi yang memberi perhatian kepada kedudukan pemerhati atau pencerita di dalam cerita (Dan Shen 2014).

Konsep sudut pandangan juga bukan satu isu baharu dalam dunia pengkajian novel di Malaysia kerana penelitian mengenai konsep ini telah dibincangkan oleh sarjana sastera sejak tahun 1970-an. Kajian-kajian sudut pandangan di Malaysia diterokai secara ringkas namun efektif misalnya oleh Anwar Ridhwan (1989) melalui bab-bab di dalam buku. Kajian pengkaji sarjana sastera Melayu bersifat selektif dengan mengemukakan contoh-contoh daripada novel dalam membincangkan pandangan mereka mengenai konsep tersebut. Perbincangan sarjana sastera tertumpu kepada aspek sudut pandangan peribadi yang terpecah kepada tiga secara umumnya iaitu sudut pandangan pertama, sudut pandangan kedua dan sudut pandangan ketiga. Ahli sastera membincangkan sudut pandangan melalui penggunaan kata ganti nama pengarang dalam membentuk naratif sama ada kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga. Seperti dinyatakan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2021), kajian sudut pandangan oleh Anwar Ridhwan misalnya hanya tertumpu pada analisis ganti nama iaitu dalam ruang lingkup kritikan sastera. Analisis sudut pandangan tidak hanya terbatas kepada penggunaan kata ganti nama, dan menurut Simpson (1993) terdapat lapan indikator linguistik yang merangkumi unsur bahasa seperti deksis masa (*sekarang, nanti, hari ini, hari itu*), tempat (*itu, ini, datang, pergi*) dan sosial

(kata ganti nama, sistem panggilan), transitiviti (lihat, dengar, bayang, fikir, percaya), modaliti (mungkin, sebenarnya, pasti, mesti, harus, perlu), ujaran dan pemikiran watak, maklumat lama dan baru yang digunakan di dalam karya sastera untuk menganalisis sudut pandangan.

Terkini, kajian-kajian berkaitan sudut pandangan dalam bidang stilistik telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji, iaitu Isabelle Van Der Boom (2009), Tismo (2008), Parina dan Kristine (2014), dan Daniele Borgogni (2016). Kajian-kajian ini meneliti Kajian- kajian ini meneliti sudut pandangan pengarang berdasarkan unsur modaliti dengan memanfaatkan pelbagai bahan kajian seperti cerita pendek (cerpen), novel dan juga surat. Seterusnya, kajian sudut pandangan pernah diteliti oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2021) yang melihat dua penanda dalam teks iaitu ganti nama dan modaliti. Penganalisan pengkaji ini menemukan keterbatasan dan keserbatahuan pengarang terletak pada penggunaan ganti nama ketiga dan pertama serta sudut pandangan modaliti yang ditandai oleh modaliti kemungkinan dan keupayaan. Kajian-kajian lepas berjaya menunjukkan bahawa sudut pandangan pengarang bukan sahaja boleh dikaji melalui kata ganti nama tetapi juga boleh dianalisis daripada aspek lain, iaitu modaliti.

Walau bagaimanapun, kajian lepas menumpukan kepada analisis kata bantu ragaman dalam menganalisis unsur modaliti dengan mengkategorikan jenis modaliti mengikut pendekatan Simpson (1993) atau Halliday (1994) serta menghuraikan fungsinya kepada teks sahaja. Kajian pengkaji menggunakan teks prosa moden, *7 Hari Mencintaiku* untuk menganalisis unsur modaliti merangkumi kata kerja leksikal ragaman dan kata bantu ragaman dengan mengkategorikannya berdasarkan pendekatan Simpson (1993), menghuraikan fungsi dan juga menambah huraian kesan penggunaan modaliti tertentu untuk memaparkan sudut pandangan serba tahu kepada pembaca.

METODOLOGI KAJIAN

Pencungkilan sudut pandangan dalam teks ini dilihat melalui kehadiran modaliti yang digunakan oleh pengarang dalam membentuk cerita. Kajian ini memilih novel *7 Hari Mencintaiku*, karya Siti Rosmizah Ismail yang diterbitkan pada tahun 2011. Novel ini dipilih kerana status penjualannya yang melebihi 100,000 naskhah. Hal ini menunjukkan karya kreatif ini diterima baik oleh pembaca

karya kreatif. Selain itu, kandungan tema dan plot teks ini yang berupaya melahirkan pelbagai nilai emosi pembaca. Hal ini dibuktikan oleh kenyataan pengarah drama *7 Hari Mencintaiku* “antara elemen unik dalam drama ini yang patut diambil contoh adalah elemen kekeluargaan dan persahabatan ... Siti Rosmizah berjaya menghasilkan sebuah karya yang berjaya menyentuh hati orang ramai” (Utusan Borneo 2018).

Novel *7 Hari Mencintaiku* mempunyai 1048 muka surat yang terdiri daripada 132 bab dan setiap bab mempunyai anggaran kurang daripada 10 muka surat sahaja. Analisis bentuk modaliti tertumpu pada setiap ayat, perenggan dan perkataan. Teks yang bertemakan percintaan dan kemanusiaan ini merupakan karya keempat Siti Rosmizah. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji bermula daripada peringkat pemilihan data yang merangkumi kaedah pelabelan, peringkat pencerakinan dan peringkat penganalisan data.

MELABELKAN DATA KAJIAN

Kajian ini meneliti keseluruhan 132 bab novel *7 Hari Mencintaiku* yang melibatkan sejumlah naratif yang banyak. Dalam kajian ini, naratif yang dianalisis adalah naratif yang mengandungi unsur modaliti yang memperlihatkan pemikiran, sikap dan pandangan pengarang. Bagi memudahkan perbincangan dan membuat rujukan, kesemua naratif yang mengandungi bentuk modaliti dilabelkan setiap bentuk modalitinya seperti dalam contoh di bawah:

Dia **tahu** (MKKLE.28) dari pandangan mata gadis itu jelas terpancar api kebencian pada dirinya.

Pelabelan dilakukan mengikut elemen dan jenis modaliti terlebih dahulu, diikuti oleh nombor halaman, contohnya bentuk modaliti dalam naratif di atas ialah *tahu* (MKKLE.28) iaitu MKKL mewakili Modal Kata Kerja Leksikal (elemen modaliti), diikuti oleh jenis modaliti, iaitu E (epistemik) dan nombor yang mengikuti merujuk kepada nombor halaman. Tujuan pelabelan ini adalah untuk memudahkan pengkaji mengetahui keseluruhan naratif yang dikaji serta untuk membolehkan pembaca mengetahui bentuk modaliti yang sedang dibincangkan. Selain itu, jika berlaku pengulangan bentuk modaliti yang sama dalam sesuatu naratif, maka pengkaji melabelkannya sebagai a dan b. Pengulangan bentuk modaliti yang sama dalam naratif juga dikira sebagai kekerapan penggunaannya pada peringkat

pencerakinan data. Dalam kajian ini, pengulangan bentuk modaliti yang sama menyumbang kepada angka kekerapan dan peratusan.

MENCERAKINKAN DATA KAJIAN

Kemudian, kajian mengenal pasti bentuk modaliti yang terdapat dalam naratif dan mengkategorikannya berdasarkan jenis modaliti yang terkandung dalam modul tatabahasa sudut pandangan, iaitu modaliti epistemik, modaliti persepsi, modaliti deontik dan modaliti keinginan (Simpson 1993). Setiap bentuk modaliti dalam naratif dianalisis fungsi dan maknanya berdasarkan jenis modaliti yang dinyatakan. Bentuk modaliti tersebut diekstrak berdasarkan elemen dan jenis ke dalam bentuk jadual untuk memperlihatkan kecenderungan pengarang memilih sesuatu unsur modaliti dalam teks yang dianalisis. Kecenderungan merujuk kepada maklumat kekerapan yang menjadi sokongan bukti konkrit. Maklumat kekerapan dianggap sebagai alat yang asas dalam deskripsi stilistik (Mohammad Fadzeli Jaafar 2006). Kemudian, interpretasi ayat juga dilakukan secara serentak berdasarkan unsur modaliti yang hadir dalam naratif bagi memahami fungsi dan maknanya.

MENGANALISIS DATA KAJIAN

Berdasarkan analisis bentuk modaliti, perbincangan dilanjutkan dengan menganalisis setiap jenis modaliti

yang dikenal pasti dalam naratif berdasarkan dua elemen modaliti, modal kata kerja leksikal dan modal kata bantu. Penganalisisan dilakukan dengan mengaitkan fungsi dan makna yang didukung oleh bentuk modaliti dalam memaknakan sudut pandangan ketiga serba tahu pengarang berdasarkan naratif yang dibina. ‘Cap linguistik’ pengarang akan cuba dikenal pasti dan memerikan sudut pandangan pengarang secara keseluruhan.

KERANGKA TEORI

Kajian ini menerapkan kerangka yang diperkenalkan oleh Simpson (1993) untuk menganalisis sudut pandangan pengarang novel *7 Hari Mencintaiku*. Pemilihan kerangka kajian ini dianggap relevan kerana bukan sahaja menfokuskan kepada jenis modaliti yang digunakan dalam prosa tetapi menjawab persoalan cara modaliti menentukan intipati gaya cerita sekali gus memberi rasa dan warna kepada cerita tersebut (Iwamoto 2007).

Simpson membahagikan modaliti kepada empat jenis yang utama iaitu, modaliti deontik (tanggungjawab, kewajipan dan komitmen), modaliti keinginan (hasrat), modaliti epistemik (pengetahuan, kepercayaan, kognisi) dan modaliti persepsi (persepsi). Jadual 1 berikut merupakan modul tatabahasa sudut pandangan Simpson (1993) yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian:

JADUAL 1. Perincian jenis dan bentuk modaliti

Jenis Modaliti	Penerangan Modaliti	Bentuk modaliti (bahasa Inggeris)	Bentuk modaliti dalam 7 Hari Mencintaiku
Deontik	kewajipan, tanggungjawab, komitmen	may, should, must	akan, harus
Keinginan	Hasrat	hope, wish, regret	ingin, tidak mahu
Epistemik	Pengetahuan, kepercayaan, kognisi	Presume, certain, definite, know	tahu, yakin, pasti, mungkin, akan, patut,
Persepsi	Persepsi	can	dapat

Sumber: Diubah suai daripada modul tatabahasa sudut pandangan Simpson (1993:47)

Modaliti deontik seperti yang dipaparkan dalam jadual 1 adalah tentang tanggungjawab, kewajipan dan pendapat. Dalam bahasa Inggeris, modaliti ini dinyatakan dalam tiga keadaan iaitu keizinan (*may*), kewajipan (*should*) dan keperluan (*must*). Kajian ini pula menemukan pengarang menggunakan bentuk modaliti *akan* (kewajipan) dan *harus* (keperluan) dalam menyatakan makna deontik dalam teks. Modaliti deontik merujuk kepada sikap penutur kepada tahap kewajipan yang berkait

dengan persembahan sesuatu perlakuan (Parina & Kristine 2014). Simpson (1993; 48) menyatakan “*the deontic system is of crucial relevance to the strategies of social interaction, especially to tactics of persuasion and politeness*”. Modaliti deontik ialah antara modaliti sudut pandangan yang kerap digunakan sama ada melalui sudut pandangan pertama atau ketiga. Dalam kajian ini, pengkaji menemukan dua kata bantu yang mendukung mana deontik iaitu *akan* dan *harus*.

Seterusnya, modaliti keinginan pula ialah jenis modaliti yang berkaitan dengan hasrat yang mengandungi harapan, keinginan dan kehendak. Modaliti keinginan (*boulomic modality*) diterjemahkan melalui *modal lexical verbs* (kata kerja leksikal ragaman) yang menunjukkan hajat dan keinginan seperti ‘*hope*’, ‘*wish*’ dan ‘*regret*’. Dalam teks *7 Hari Mencintaiku*, contoh bentuk modaliti keinginan diterjemahkan melalui kata bantu ragaman *ingin* dan *tidak mahu*.

Modaliti epistemik merupakan antara modaliti yang penting dalam analisis sudut pandangan (Simpson 1993). Simpson (2004) menyatakan “*epistemic modal markers are used for signalling judgements of belief, certainty or truth and for foregrounding the narrator’s efforts to interpret and make sense of what he sees and hears*”. Modaliti ini berkaitan dengan keyakinan atau ketidakpercayaan penutur dalam kejujuran dan ketelusan ujaran yang dituturkan. Bentuk modaliti bahasa Inggeris boleh dinyatakan dalam kata kerja leksikal ragaman seperti *presume*, *certain*, *definite*. Dalam novel *7 Hari Mencintaiku*, bentuk modaliti *tahu*, *yakin*, *pasti* digunakan secara produktif oleh pengarang dalam menunjukkan sudut pandangan pengarang serba tahu. Kemudian, pengkaji juga menemukan kata bantu ragaman digunakan untuk menyampaikan

maksud epistemik, contohnya *mungkin*, *akan*, *patut*, *dapat*. Modaliti ini juga berkait rapat dengan pengetahuan dan keyakinan pengarang, iaitu menurut Abdurahman (2011) dalam penulisan beliau, *Teori Modalitas sebagai Materi Pembelajaran Bahasa Indonesia*.

Kategori akhir modaliti, modaliti persepsi merupakan subsistem kepada modaliti epistemik. Modaliti persepsi merujuk kepada tahap komitmen terhadap kejujuran berdasarkan persepsi manusia terutama persepsi visual contohnya *can* dan juga boleh disampaikan dalam keterangan ragaman seperti *unquestionable*, *unquestionably*. Simpson (1993:50) menyatakan “*perception modality as being characterized by some in relation to the truth of a proposition*”. Pengkajian pengkaji menemukan satu sahaja bentuk modaliti persepsi dalam *7 Hari Mencintaiku* iaitu *dapat* yang digandingkan dengan kata kerja *melihat* yang merujuk kepada persepsi visual.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah mengenal pasti empat jenis modaliti dalam novel *7 Hari Mencintaiku*, seperti dalam Jadual 2:

JADUAL 2. Jenis modaliti dan elemen modaliti *7 Hari Mencintaiku*

Elemen modaliti	Jenis Modaliti	Deontik	Keinginan	Epistemik	Persepsi	Jumlah	Peratus
Kata bantu ragaman		8	14	60	4	86	51.2
Kata kerja leksikal ragaman		0	0	82	0	82	48.8
Jumlah		8	14	142	4	168	100
Peratus		4.8	8.3	84.5	2.4		100

Jadual 2 memaparkan kekerapan jenis modaliti dan elemen modaliti yang diekstrak daripada novel *7 Hari Mencintaiku*. Penggunaan modaliti epistemik mempunyai kekerapan yang paling tinggi dengan margin yang besar dalam kedua-dua elemen modaliti iaitu kata bantu ragaman dan kata kerja leksikal ragaman, masing masing sebanyak 60 kali (69.8%) daripada 86 keseluruhan kata bantu ragaman dan mendominasi pemilihan keseluruhan kata kerja leksikal ragaman, iaitu sebanyak 82 penggunaan. Modaliti epistemik menghasilkan pola yang sangat produktif digunakan iaitu sebanyak 142 (84.5%). Modaliti epistemik sangat berpengaruh dalam menunjukkan sudut pandangan pengarang yang meliputi lebih daripada separuh penggunaan modaliti di dalam novel ini. Seterusnya, diikuti oleh modaliti

keinginan sebanyak 14 (8.3%), merangkumi elemen kata bantu ragaman berjumlah 14 (16.3%) daripada 86 penggunaan keseluruhan kata bantu ragaman. Modaliti deontik digunakan sebanyak 8 kali (4.8) oleh pengarang dalam membina naratif yang hanya diwakili oleh kata bantu ragaman. Modaliti persepsi menunjukkan penggunaan yang paling sedikit oleh pengarang, iaitu sebanyak 4 (2.3%). Taburan kekerapan yang dinyatakan di dalam jadual 1 menggambarkan kecenderungan pengarang *7 Hari Mencintaiku* memanfaatkan unsur modaliti.

Karya *7 Hari Mencintaiku* menunjukkan watak-watak diceritakan oleh pengarang dengan menggunakan kata nama khas, seperti *Khuzairi* dan *Mia Adriana*. Selain itu, pengarang juga menggunakan kata ganti nama ketiga, seperti

dia dan *mereka*. Pengarang dalam konteks ini berperanan dalam menggerakkan watak dalam teks (Mohammad Fadzeli Jaafar 2017). Hal ini menepati ciri pandangan serba tahu yang memperlihatkan pengarang menggunakan kata ganti nama diri ketiga untuk menunjukkan cara pengarang bertindak dari luar naratif (Short, 1996). Namun, kajian ini memfokuskan kepada aspek modaliti yang membenarkan pembaca mengetahui sikap dan keupayaan pengarang/pencerita. Hal ini disebabkan unsur modaliti lebih menonjol memperlihatkan aspek sudut pandangan ketiga serba tahu dalam teks ini. Selain itu, penggunaan unsur modaliti yang produktif dalam setiap bab juga menunjukkan unsur ini relevan dalam menganalisis sudut pandangan berdasarkan tatabahasa ragaman sudut pandangan Paul Simpson (1993). Fowler (1996) menyatakan pengarang atau watak akan secara telus menyampaikan penilaian dan kepercayaan melalui penggunaan pelbagai bentuk modaliti. Perbincangan bukan sahaja melibatkan modaliti epistemik yang mendominasi kecenderungan pengarang tetapi ketiga-tiga jenis modaliti lain juga akan dihuraiakan.

MODALITI EPISTEMIK

Modaliti epistemik berkaitan dengan pengetahuan, kepercayaan dan kognisi penutur. Simpson (1993) menyatakan modaliti epistemik boleh dinyatakan dalam bentuk kata bantu ragaman, kata kerja leksikal ragaman dan keterangan ragaman. Kajian ini memperlihatkan modaliti epistemik diwakili oleh dua elemen, iaitu kata kerja leksikal ragaman dan kata bantu ragaman. Jadual 3 dan jadual 4 memaparkan kerap modaliti bagi setiap elemen:

Kata Kerja Leksikal Ragaman

Dapatan kajian menunjukkan pengarang hanya menggunakan elemen kata kerja leksikal ragaman bagi kategori epistemik dalam teks. Kata kerja leksikal ragaman ialah perkataan yang merujuk pemikiran, perasaan dan persepsi. Dalam kajian ini, tiga kata kerja leksikal ragaman yang digunakan ialah *tahu*, *yakin* dan *pasti*. Jadual 3 menunjukkan kekerapan penggunaan bagi setiap bentuk modaliti berikut:

JADUAL 3. Kata kerja leksikal ragaman epistemik

Kata Kerja Leksikal Ragaman	Kekerapan	Peratus
<i>tahu</i>	33	40%
<i>yakin</i>	19	23%
<i>pasti</i>	30	37%
Jumlah	82	100%

Proses kognitif dalam teks kajian dapat dikenal pasti berdasarkan kata kerja leksikal ragaman *tahu*, *yakin* dan *pasti*. Berdasarkan jadual 3, kata kerja leksikal ragaman *tahu* paling banyak digunakan, iaitu 33 (40%) diikuti oleh kata kerja leksikal *pasti*, 30 (37%) dan 19 kali (23%) leksikal *yakin*. Ketiga-ketiga kata kerja leksikal ini digunakan oleh pengarang bukan sahaja melalui penceritaan watak-watak utama, iaitu Khuzairi dan Mia Adriana tetapi oleh watak-watak sampingan lain seperti Sofi (sepupu Mia) dan Zaidi (kawan baik Khuzairi).

Kata kerja kognitif atau proses kognisi ialah satu lakuan yang terjadi pada tahap mental (Mohammad Fadzeli Jaafar 2013). Pengarang *7 Hari Mencintaiku* memanfaatkan leksikal ragaman *tahu*, *yakin* dan *pasti* dalam mendedahkan keupayaan pengarang serba tahu dalam menembusi minda watak. Seperti yang dinyatakan oleh Diasamidze (2014:161) “*omniscient narrator enters their minds (character) to explore directly their innermost thoughts and feelings*”.

Strategi pengarang menggunakan leksikal *tahu* membantu pembaca mendapatkan maklumat yang cukup seperti dinyatakan Mohammad Fadzeli Jaafar (2021:29) “pembaca tidak perlu berfikir kerana semua maklumat diberitahu pencerita serba tahu, sama ada tindakan atau perasaan watak”. Pengetahuan pengarang ditumpukan kepada dua watak utama, Khuzairi dan Mia Adriana yang cakna setiap maklumat dan perkara yang berlaku terutama melibatkan pasangan masing-masing.

Dalam konteks naratif (1 dan 2), Khuzairi merupakan watak yang terlibat dengan pengetahuan serba tahu pengarang. Misalnya:

1. Khuzairi **tahu (KKLRE, 121)** Mia Adriana kini makin membenci dirinya.
2. Dia **tahu (KKLRE, 145)** bukan mudah untuk Mia Adriana yang selama ini hidup dilimpahi kemewahan tiba-tiba dalam sekelip mata terpaksa mengubah cara hidupnya begini.

Contoh (1) menunjukkan Khuzairi, iaitu suami Mia Adriana maklum tentang keadaan Mia Adriana yang tidak suka keputusan Khuzairi yang memaksa dirinya untuk pulang ke kampung selepas berkahwin. Pengarang menceritakan kepada pembaca bahawa Khuzairi sudah mengetahui maklumat Mia Adriana membenci dirinya sebelum ini dengan penggunaan leksikal *makin*. Namun, Khuzairi tetap bersabar dan nekad membawa Mia Adriana pulang ke kampung atas sebab tanggungjawab dan amanah ayah Mia. Pengarang menunjukkan Khuzairi memiliki pengetahuan tentang sebab sesuatu berlaku (*Mia kini makin membenci*) melalui peristiwa sebelumnya (membawa Mia Adriana pulang ke kampung). Naratif ini juga menunjukkan pengarang mengetahui perasaan Mia Adriana (*membenci*) walaupun berlaku dalam peringkat batin (dalaman).

Seterusnya, contoh (2) juga menunjukkan pengarang mengakses pemikiran *Dia* (Khuzairi) yang mengambil peduli keadaan isterinya (*bukan mudah untuk Mia Adriana*) yang tidak betah tinggal di kampung. Pengarang memperlihatkan pengetahuannya disebabkan keadaan semasa, iaitu pada ketika itu Khuzairi perlu berhadapan kerenah isterinya yang tidak boleh tidur kerana cuaca panas. Kehidupan 'begini' merujuk kepada kehidupan di kampung yang hidup dalam keadaan sederhana. Jelas, pengarang memaparkan serba tahunya yang sentiasa mengerti tentang perkara yang berada dalam pemikiran watak sekaligus memberi kesan kepada pembaca untuk memahami perasaan Khuzairi.

Selain itu, penganalisisan kajian ini menemukan satu bentuk modaliti epistemik '*tak tahu*' iaitu kata kerja leksikal ragaman yang berkait dengan tahap pengetahuan pengarang. Tahap pengetahuan pengarang *7 Hari Mencintaiku* diwakili oleh bentuk modaliti *tahu* dan *tidak tahu*. Menurut Simpson (1993:48), gaya sebegini, iaitu "*using epistemic modals with both positive and negative polarity obfuscates parts of narratives*". Gaya tersebut juga selari dengan hasil kajian Parina dan Kristine (2014) yang menemukan bentuk modaliti kata kerja leksikal *I don't know* dan *know* dalam teks kajian. Kedua-dua pengkaji ini menyatakan penemuan bentuk modaliti *I don't know* menunjukkan ketidakpastian pengarang dan bentuk *know* memperlihatkan pengarang semakin sedar perkara yang berlaku dalam naratif.

Namun, kajian ini mendapati leksikal *tak tahu* masih melibatkan pengetahuan pengarang serba tahu sama ada melibatkan perasaan dan pemikiran. Penggunaan leksikal *tak tahu* menunjukkan variasi

yang ditunjukkan oleh pengarang dalam pemilihan bentuk modaliti kognitif. Proses kognisi atau mental lebih sesuai digambarkan sebagai pernyataan fikiran atau peristiwa psikologi (Bloor dan Bloor 1995). Pengarang *7 Hari Mencintaiku* menggunakan modaliti ini untuk menyatakan 'apa' yang berada dalam fikiran watak tanpa melibatkan gerakan fizikal dan tidak melibatkan orang lain. Sehubungan dengan itu, pengarang serba tahu teks kajian ini menceritakan kepada pembaca bahawa pengarang sedar masalah dan konflik yang berlaku terhadap diri watak melalui bentuk modaliti *tak tahu*. Contohnya dapat dilihat daripada data (3) hingga (5) yang berikut:

1. Dia sendiri **tidak tahu (KKLRE, 820)** apa yang menyerabutkan fikirannya saat ini.
2. Dia sendiri **tidak tahu (KKLRE, 864)** bagaimana hendak menjawab soalan isterinya.
3. Mia Adriana benar-benar terluka dan dia **tidak tahu (KKLRE, 948)** kali ini kelukaannya itu akan dapat diubati untuk tempoh berapa lama.

Ayat (3) dan (4) ialah contoh naratif yang berada pada bab klimaks yang menyaksikan konflik dikembangkan oleh pengarang melibatkan watak Khuzairi (*Dia*). Kedua-dua naratif ini memberitahu pembaca bahawa Khuzairi maklum tentang permasalahan yang dihadapi olehnya, iaitu tersepit antara rasa cinta terhadap isterinya, dan janjinya untuk menerima dan mengahwini Syakila, wanita pilihan Mak Leha. Pengarang masuk dalam pemikiran dan perasaan Khuzairi dalam usaha untuk menunjukkan kepada pembaca 'apa' reaksi dan keadaan Khuzairi (*menyerabutkan fikirannya*) terhadap konflik tersebut. Kesan penggunaan unsur modaliti ini memberi kesan dramatik apabila pembaca dapat sama-sama memahami pemikiran Khuzairi.

Contoh (5) pula menceritakan perasaan Mia Adriana (*terluka*) setelah berlaku satu insiden yang memperlihatkan Khuzairi sedaya upaya menafikan perasaannya terhadap Mia Adriana dengan memadamkan nama Mia Adriana dalam diarinya dan menggantikannya dengan nama Syakila. Pengarang menunjukkan kemampuannya mengakses perasaan Mia Adriana dan dikukuhkan dengan kehadiran adverba *benar-benar* membuktikan pengarang serba tahu berkemampuan mengetahui sesuatu yang berada dalam kognitif watak.

Pengkaji juga menemukan dua lagi leksikal iaitu, *pasti* 30 (37%) dan *yakin* 19 (23%) dalam teks *7 Hari Mencintaiku*. Pengarang kreatif dalam

mengatur strategi kerana pengarang bukan sahaja tidak perlu mengambil masa untuk memproses maklumat (berfikir) melalui pemilihan leksikal *tahu* tetapi mengesahkan maklumat yang dimilikinya itu sah (*pasti*). Hal ini menunjukkan pengarang meluaskan lagi kawalan serba tahunya dalam teks seperti dalam contoh (6) dan (7):

1. Khuzairi **pasti (KKLRE, 65)**, Mia Adriana tidak dapat menerimanya sebagai pengganti tempat Khalil.
2. Khuzairi **pasti (KKLRE, 472)** isterinya tidak akan turut serta, kerana itu dia menyelesaikan kerjanya seberapa segera lalu terus balik ke rumah.

Contoh (6) memperlihatkan pengarang mempertingkatkan tahap kawalannya dengan menentukan kebenaran setiap maklumat yang diakses dalam pemikiran watak. Leksikal *pasti* dalam contoh (6) menunjukkan Khuzairi mempunyai pengetahuan tentang penerimaan Mia Adriana terhadap dirinya kerana peristiwa-peristiwa sebelumnya dialami oleh Khuzairi menunjukkan Mia Adriana menyindir dan memandang rendah terhadap Khuzairi dan memuji kedudukan tunangnya, Khalil yang sama taraf dengannya. Pengarang membuktikan kepada pembaca serba tahunya itu tidak salah dan memberitahu watak sudah melalui peristiwa tertentu yang membolehkannya arif akan sesuatu peristiwa. Seperti yang dinyatakan oleh Emike.J (2014:3), pengarang serba tahu menunjukkan bahawa pengarang telah melalui sesuatu peristiwa atau pengalaman dan mempunyai pengetahuan yang jelas tentangnya.

Contoh (7) membuktikan kepada pembaca Khuzairi sentiasa prihatin terhadap kebajikan isterinya (*menyelesaikan kerjanya segera*) dan ketekalan pengetahuan Khuzairi tentang pendirian isterinya (*tidak akan turut serta*) yang tidak mahu bergaul mesra dengan ahli keluarganya terutama Mak Leha (mak tiri Khuzairi) dan Syakila (sepupu Khuzairi). Pengarang serba tahu menunjukkan dirinya berkemampuan menerangkan kepada pembaca ‘mengapa’ Khuzairi pulang ke rumah dan pembaca menerima maklumat itu tanpa mempersoalkannya. Hal ini pernah dinyatakan oleh Diasamidze (2014:161) sebagai:

“He or she can tell us directly what the characters are like and why they behave as they do, record their words and conversations and dramatize their actions, or enter their minds to explore directly their innermost thoughts and feelings”.

Pengkaji mendapati pengarang mempamerkan kekreatifannya dalam pemilihan bentuk modaliti apabila menggunakan bentuk modaliti *yakin* dalam menyatakan tahap kepastian selain daripada penggunaan leksikal *pasti*. Leksikal *yakin* digunakan oleh pengarang secara produktif melalui watak Khuzairi. Teliti contoh naratif (8) dan (9) yang berikut:

1. Dia **yakin (KKLRE, 65)** nama Khalil sudah bertapak kukuh di dalam hati gadis itu dan bukan mudah untuk lelaki yang tidak pernah dipandang sebelum ini oleh Mia Adriana, diberikan tempat di hatinya begitu sahaja.
2. Khuzairi **yakin (KKLRE, 136)** Mia Adriana akan terus-terusan menyakiti hatinya selagi visi isterinya untuk meleraikan ikatan perkahwinan mereka tidak tercapai.

Contoh (6) dan contoh (8) saling berkait kerana selepas penggunaan leksikal *pasti* dalam (6), pengarang melanjutkan tahap kesahihannya tentang maklumat yang diakses dalam pemikiran watak melalui penggunaan bentuk modaliti *yakin* (8). Pengkaji berpandangan penggunaan leksikal *yakin* membuatkan pembaca betul-betul percaya dan tidak ragu tentang kebenaran maklumat dan pengetahuan watak dan pemikirannya terhadap sesuatu perkara. Kedua-dua contoh tersebut, (6) dan (8) bukan sahaja menyatakan maklumat itu sedia ada dalam pemikiran Khuzairi tanpa perlu memproses maklumat tetapi memastikan pengetahuan itu sah dan nyata kepada pembaca. Seterusnya, contoh (6) dan (8) berkait dengan (9) yang membuktikan Khuzairi ialah watak yang sentiasa cakna akan keputusan yang diambil olehnya terutama melibatkan perkahwinan bersama Mia Adriana. Hal ini disebabkan Khuzairi mengetahui pilihan hati Mia Adriana (*nama Khalil sudah bertapak kukuh*) dalam contoh (8) dan menyedari akibat keputusannya itu (*terus-terusan menyakiti hatinya*) seperti dalam contoh (9).

Kata Bantu Ragaman

Kata bantu ragaman ialah elemen yang digunakan oleh pengarang dengan produktif berbanding elemen kata kerja ragaman. Pengarang cenderung menggunakan kata bantu ragaman epistemik iaitu sebanyak 60 (69.8%) daripada keseluruhan 86 jumlah kata bantu ragaman. Jadual 4 memaparkan mengenai kekerapan penggunaan bagi setiap bentuk modaliti.

JADUAL 4. Kata bantu ragaman epistemik

Kata Bantu Ragaman	Kekerapan	Peratus
<i> mungkin </i>	12	20
<i> akan </i>	42	70
<i> dapat </i>	5	8
<i> patut </i>	1	2
Jumlah	60	100

Jadual 4 menunjukkan pengarang cenderung untuk menggunakan bentuk modaliti *akan*, iaitu sebanyak 42 bentuk (70%), berbanding dengan modaliti *mungkin* , sebanyak 12 (20%) dan modaliti *dapat* dan *mungkin* yang digunakan masing-masing sebanyak 5 kali (8%) dan 1 kali (2%) sahaja. Keempat-empat leksikal ini membantu mengukuhkan serba tahu pengarang.

Kata bantu ragaman *akan* mendominasi penggunaan kata bantu ragaman epistemik dalam naratif. Modaliti *akan* diklasifikasikan sebagai kata bantu aspek yang berkaitan dengan perbezaan masa (Asmah, 2009). Namun, kajian ini mengkategorikan modaliti sebagai modaliti ragam sebagaimana yang dinyatakan oleh Imran Ho Abdullah (1993:52) bahawa *akan* boleh berfungsi sebagai 1) bentuk dinamik yang bermaksud kerelaan subjek untuk melakukan sesuatu pada masa hadapan 2) deontik, mendukung makna kewajipan dan 3) epistemik yang bererti membuat ramalan dengan tahap keyakinan yang tinggi. Penganalisisan ini memperlihatkan fungsi ketiga diaplikasikan dalam penghuraian modaliti *akan* , iaitu melibatkan ramalan dengan tahap keyakinan yang tinggi.

Penggunaan leksikal *akan* dalam teks *7 Hari Mencintaiku* menunjukkan pengarang memiliki keupayaan bukan sahaja untuk mengetahui perkara terdahulu tetapi perkara masa hadapan. Pengawasan pengarang serba tahu memperlihatkan pengarang bebas untuk memberitahu kita banyak atau sedikit sesuatu maklumat, untuk merangka dan merumuskan, menginterpretasi, memanipulasi, menghukum atau mendidik pembaca melalui naratif (Diasamidze, 2014). Pengkaji mendapati modaliti epistemik kata bantu *akan* menyokong pengetahuan serba tahu pengarang dan pengarang memastikan maklumat yang disampaikan kepada pembaca itu diperoleh melalui sudut pandangan pengarang sendiri. Contohnya:

1. Masalah yang **akan (KBRE, 537)** mengubah keseluruhan hidupnya.
2. Hati Mia Adriana berat mengatakan yang suaminya **akan (KBRE, 726)** memilih emak tirinya.

Pengarang menggunakan leksikal *akan* dalam kedua-dua naratif ini untuk menimbulkan kesan dramatik kepada pembaca. Pengarang membina persoalan ‘bagaimana’ masalah yang dinyatakan oleh *-nya* (Mia Adriana) itu mengubah hidup Mia Adriana dalam contoh (10). Pengarang sudah maklum keadaan sebenar tentang keadaan Mia Adriana yang mengandung (*masalah*) dan bentuk perubahan melibatkan fizikal, mental dan juga merangkumi keputusan Mia Adriana yang merancang meninggalkan Khuzairi. Pengarang membina hubungan bersama pembaca dengan menarik perhatian pembaca untuk mengikuti peristiwa ini sebagai bentuk jawapan kepada persoalan dibina olehnya.

Contoh (11) pula menceritakan tentang pergaduhan Mia Adriana dan Mak Leha sehingga membuatkan Khuzairi perlu memilih antara mak tirinya dan isterinya setelah didesak oleh Mia Adriana. Strategi pengarang dalam contoh (11) menunjukkan darjah kebenarannya yang tinggi apabila pengarang memberitahu bahawa peristiwa ini bukanlah kali pertama berlaku. Pilihan pengarang memberikan kesan kepada emosi pembaca untuk bersimpati dan mengetahui peristiwa seterusnya. Pengarang juga menggunakan teknik pengulangan dalam data berikut:

1. Memang tidak dinafikan dia **akan (KBREa, 552)** kecewa, dia **akan (KBREb, 552)** menderita, dia **akan (KBREc, 552)** terluka namun Khuzairi akan terus berdoa mudah-mudahan kekecewaan, kelukaan dan penderitaan itu **akan (KBREd, 552)** terubat sedikit setiap kali melihat wajah anaknya.

Pengulangan leksikal *akan* dalam naratif (12) merupakan antara satu dapatan yang menarik. Hal ini menggambarkan pengarang mempunyai pengetahuan dan menyedari perasaan (*kecewa, menderita, terluka*) yang dirasai oleh Khuzairi (*Dia*) kelak setelah sesuatu kejadian berlaku (ugutan Mia Adriana meninggalkannya). Naratif ini dibina ketika detik Khuzairi mengetahui isterinya mengandung dan Mia Adriana turut menyatakan

mahu menggugurkan kandungan itu. Walau bagaimanapun, Khuzairi berjaya memujuk Mia Adriana tetapi besertakan janji untuk melepaskan Mia Adriana selepas bersalin kerana diugut oleh Mia Adriana. Khuzairi jelas mengetahui impak daripada janjinya itu namun tetap meneruskan kerana dia begitu menyayangi isterinya dan anak yang bakal lahir. Pengarang mengukuhkan sudut pandangan serba tahunya dengan pengulangan modaliti *akan* yang memberikan kesan dramatik dan emosi kepada pembaca.

Di samping itu, pengarang juga menggunakan kata bantu ragaman *mungkin* yang mendukung peranan untuk menceritakan keberangkalian yang wujud dalam pemikiran watak. Modaliti *mungkin* membawa maksud maklumat yang diakses dalam pemikiran watak itu lebih menjurus kepada maklumat yang benar. Perhatikan contoh naratif (13) yang berikut:

1. **Mungkin (KBRE, 262)** isterinya masih marah dengan panggilan bekas tunangnya tadi.

Contoh (13) menceritakan situasi Mia Adriana yang berkelakuan tidak peduli terhadap soalan suaminya sebelum naratif dibina. Khuzairi mempunyai pengetahuan tentang panggilan Khalil disebabkan rangkaian peristiwa yang diceritakan oleh pengarang pada bab sebelumnya (261). Khalil telah menghubungi Mia Adriana ketika mereka sedang makan malam, dan Mia Adriana enggan menjawab panggilan tersebut serta menyuruh

Khuzairi menjawabkannya. Mia Adriana turut melontarkan rungutannya “*kenapalah dia ni tak reti-reti bahasa?*” dan mematikan telefon. Sehubungan dengan itu, adalah wajar Khuzairi menyedari perkara itu dan pembaca juga beranggapan perkara yang sama kerana pengarang *7 Hari Mencintaiku* memberitahu pembaca ‘apa’ diketahuinya serta jelas itu satu-satunya peristiwa yang berkait dengan emosi Mia Adriana (*marah*).

MODALITI KEINGINAN

Berdasarkan analisis, terdapat 14 penggunaan modaliti keinginan dalam teks kajian diwakili oleh kata bantu ragaman. Modaliti keinginan menurut Simpson (1993:48) ialah “*in expressions of desire*.” Kata kerja ‘*hope, wish, regret*’ antara kata kerja leksikal ragaman keinginan bahasa Inggeris yang dinyatakan oleh Simpson (1993). Modaliti keinginan juga boleh diwakili oleh adverba dan adjektif seperti *hopefully, regrettably, regrettable*. Namun, kajian ini hanya menemukan bentuk modaliti kata bantu ragaman *ingin* dan *tidak mahu* yang menyatakan hasrat, keinginan dan kehendak watak.

Dalam kata bantu ragaman bahasa Inggeris, bentuk modaliti seperti *wants* (dalam kajian Parina dan Kristine, 2014) mewakili makna hasrat watak. Pengarang menggunakan dua bentuk modaliti keinginan, iaitu *ingin* dan *tidak mahu* dalam teks kajian ini. Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan penggunaan kata bantu ragaman keinginan:

JADUAL 5. Kata bantu ragaman keinginan

Kata Bantu Ragaman	Kekerapan	Peratus
<i>ingin</i>	8	57
<i>tidak mahu</i>	6	43
Jumlah	14	100

Jadual 5 membuktikan pengarang memilih dua bentuk modaliti sahaja, *ingin* dan *tidak mahu* masing-masing digunakan sebanyak 8 kali (57%) dan 6 kali (43%). Penemuan dua bentuk modaliti keinginan positif *ingin* dan modaliti keinginan negatif *tidak mahu* yang menunjukkan corak penggunaan yang sama dengan penggunaan modaliti *tahu* dan *tidak tahu*. Bentuk modaliti positif dan negatif dalam teks seperti yang dinyatakan oleh Simpson (1993) merupakan sebahagian daripada pembinaan naratif.

Kedua-dua modaliti *ingin* dan *tidak mahu* berperanan membantu pengarang untuk memaparkan sifat serba tahu pengarang yang boleh mengetahui perkara yang watak kehendaki untuk

sesuatu perkara. Pengkaji menemukan leksikal *ingin* digunakan secara dominan oleh watak Khuzairi. Hal ini menunjukkan pengarang mengawal watak Khuzairi daripada sudut pemikiran. Misalnya naratif (14) dan (15) yang berikut:

1. Khuzairi masih **ingin (KBRK, 242)** diberikan peluang untuk bertapak di hati perempuan ini.
2. Dia **ingin (KBRK, 650)** menyelesaikan permasalahan ini sekarang juga.

Contoh (14) dan naratif (15) menunjukkan kehendak Khuzairi (*Dia*) yang melibatkan perasaan cintanya terhadap Mia Adriana. Contoh (14) menceritakan peristiwa kedatangan Khalil, bekas

tunang Mia Adriana ke kampung untuk menemui Mia Adriana. Khuzairi menyambut kehadiran Khalil dengan senyuman yang manis dan wajah yang tenang. Namun, pengarang mengakses pemikiran Khuzairi dengan tujuan memperlihatkan kepada pembaca perasaan sebenar Khuzairi (*diberikan peluang*) terhadap keadaan itu. Contoh ini sekaligus menunjukkan kepada pembaca rasa cinta yang mendalam Khuzairi terhadap isterinya walau belum mendapat layanan sebaiknya (*bertapak di hati perempuan ini*) daripada Mia Adriana. Pengarang mengawal teks kajian dengan memaparkan perasaan watak supaya pembaca dapat mengikuti cerita dengan jelas tanpa meneka bentuk emosi watak.

Khuzairi digambarkan sebagai watak yang positif dalam setiap peristiwa yang melibatkan hubungannya dengan Mia Adriana. Naratif (15) merupakan salah satu bukti sokongan tentang perwatakan Khuzairi itu yang berhasrat untuk tidak membesarkan konflik antara dia dan isterinya. Mia Adriana pada ketika itu telah menunjukkan reaksi negatif kepada Khuzairi secara tiba-tiba walaupun sebelumnya hubungan mereka baik sahaja. Pengarang menggunakan modaliti *ingin* untuk menunjukkan perasaan Khuzairi yang enggan bergaduh dengan isterinya dan usaha Khuzairi untuk menjaga hubungan mereka yang baru sahaja mula menunjukkan tanda positif. Penggunaan sudut pandangan ketiga serba tahu dalam konteks peristiwa ini memberikan kesan langsung kepada pembaca dalam merasai perasaan watak. Modaliti *ingin* memperincikan lagi sifat serba mengetahui pengarang. Seterusnya, lihat contoh naratif (16) di bawah:

1. Khuzairi **tidak mahu (KBRK, 108)** keadaan menjadi lebih keruh jika orang tuanya tahu yang Mia Adriana sebenarnya akan berangkat ke Australia pada hari ini bersama mamanya tanpa langsung mempedulikan ikatan perkahwinan mereka.

Penemuan leksikal *tidak mahu* dalam teks kajian berdasarkan pengamatan pengkaji merupakan pilihan unsur bahasa yang kreatif dalam menyatakan keinginan watak, Khuzairi (*Dia*) dalam contoh 16. Pemilihan ini menunjukkan variasi pengarang dalam menggunakan unsur bahasa dalam teks kajian. Pengkaji juga menemukan dua corak penggunaan modaliti *tidak mahu* yang melibatkan dua watak utama iaitu, watak Khuzairi dan Mia Adriana. Dalam contoh (16), pengarang memasuki minda Khuzairi untuk menceritakan

perasaan Khuzairi dalam peristiwa keputusan Mia Adriana yang hendak ke luar negara bersama mamanya walaupun sudah menjadi isteri Khuzairi pada ketika itu. Mia Adriana bertindak sendiri tanpa mempedulikan perasaan Khuzairi namun dalam naratif ini memperlihatkan Khuzairi masih menjaga maruah isterinya dengan menyembunyikan tindakan Mia Adriana daripada ibu bapanya. Keserbatahuan pengarang ditunjukkan melalui maklumat *menjadi lebih keruh* yang menceritakan kepada pembaca keadaan semasa sudah keruh dan bertambah buruk jika maklumat pemergian Mia Adriana diketahui keluarga Khuzairi.

Corak modaliti *tidak mahu* bagi watak Khuzairi menunjukkan Khuzairi sentiasa menyatakan kepada pembaca perasaan cintanya melalui kehendak keadaan yang positif manakala bagi watak Mia Adriana, corak modaliti *tidak mahu* memaksudkan perasaan Mia Adriana yang mengutamakan dirinya sahaja. Hal ini bertepatan dengan watak Mia Adriana yang digambarkan sebagai seorang yang ego dan sombong serta tidak mempedulikan persekitarannya seperti dalam contoh di bawah:

1. Mia Adriana sendiri **tidak mahu (KBRK, 465)** ambil tahu ke mana mereka semua pergi.

Pengarang membuktikan sudut pandangan serba tahunya dalam contoh (17) apabila sifat tidak peduli Mia Adriana digambarkan dengan modaliti *tidak mahu*. Keenganan Mia Adriana mengambil tahu keberadaan ahli keluarga Khuzairi memberi gambaran kepada pembaca perwatakan Mia Adriana. Kecenderungan pengarang menggunakan makna modaliti *tidak mahu* yang berbeza bagi kedua-dua watak menunjukkan kuasa pengarang serba tahu tinggi apabila berupaya menentukan makna dan fungsi unsur modaliti yang digunakannya.

MODALITI DEONTIK

Modaliti deontik ialah sistem modaliti berkait dengan sikap penutur terhadap tahap kewajipan yang bersangkutan dengan pelaksanaan perbuatan tertentu (Simpson, 1993:47). Modaliti deontik melibatkan komitmen keizinan, kewajipan dan keperluan. Palmer (2003:7) pula menyatakan “*deontic modalities are seen as directives concerned with enabling the subject of the sentence to act and circumstances external to the subject of the sentence*”.

Pengkaji menemukan pengarang teks kajian ini menggunakan bentuk modaliti *akan* dan *harus* dalam pernyataan kewajipan watak terhadap

sesuatu perkara. Palmer (1986) menyatakan kata bantu ragam deontik menfokuskan terhadap tindakan dan mempunyai elemen 'will'. Pengarang menggunakan modaliti *akan* sebanyak 5 kali (63%) manakala modaliti *harus* 3 kali (37%). Selain dikategorikan dalam modaliti epistemik, kajian ini menemukan satu lagi fungsi *akan*, iaitu modaliti deontik yang berkaitan kewajipan seperti dalam contoh naratif (19) yang berikut:

1. Dia **akan (KBRDa, 850)** menggagas satu tanggungjawab yang baru. Dia **akan (KBRDb, 850)** memulakan kehidupan yang baru dengan perempuan yang benar-benar mencintainya. Dia juga **akan (KBRDc, 850)** belajar untuk mencintai sepupunya itu.

Kewajipan dalam contoh di atas (18) berkaitan dengan peranan baharu Khuzairi sebagai bakal suami kepada Syakila. Tahap komitmen Khuzairi sangat tinggi kerana pengarang menggunakan strategi pengulangan bentuk modaliti (*akan*) dalam satu naratif. Strategi pengarang menggunakan leksikal *akan* berulang kali membolehkan pembaca memahami tanggungjawab berat Khuzairi sebagai bakal suami Syakila. Kesan penggunaan *akan* memberikan kesan dramatik kerana kesungguhan pengarang menceritakan pengetahuan serba tahunya dalam teks.

MODALITI PERSEPSI

Modaliti persepsi adalah subkategori kepada modaliti epistemik. Perbezaan kedua-dua modaliti ini dapat dilihat melalui darjah komitmen modaliti persepsi ditandai oleh rujukan persepsi manusia terutama persepsi visual (Simpson 1993:50). Dalam kajian ini, pengarang menggunakan modaliti persepsi secara minimum berbanding modaliti yang lain. Kajian menemukan hanya 4 (2.4%) penggunaan modaliti persepsi, iaitu keempat-empatnya diwakili oleh kata bantu ragam *dapat* dalam teks kajian. Pengarang menggandingkan modaliti *dapat* dengan kata kerja *melihat* yang menunjukkan persepsi visual digunakan dalam teks ini.

1. Sofi **dapat (KBRP, 992)** melihat kesedihan yang terpancar di wajah sepupunya itu.
2. Zaidi **dapat (KBRP, 995)** melihat begitu tinggi harapan yang terpancar di mata Khuzairi semasa dia memeriksa telefon bimbitnya.

Pengarang menggunakan modaliti *dapat* dalam naratif yang melibatkan watak sampingan utama, iaitu Sofi dan Zaidi. Kedua-dua watak, Sofi dan Zaidi dalam contoh (19) dan (20) digambarkan sedang melakukan proses persepsi atau pengamatan dengan mata, iaitu *melihat*. Strategi pengarang memanfaatkan hubungan rapat antara Sofi dan Zaidi bersama dua watak utama, iaitu Mia Adriana dan Khuzairi menghasilkan kesan logik dan realistik kepada pembaca. Strategi pengarang menggunakan modaliti persepsi membuktikan kehadirannya dalam teks serta mewujudkan kesan kedekatan pembaca dengan watak apabila pembaca dapat membayangkan keadaan mahupun perasaan watak.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menganalisis kekreatifan pengarang melalui penggunaan bentuk modaliti yang bertujuan untuk mengetahui sudut pandangan pengarang. Pengkajian ini dapat menghuraikan secara empirikal dan saintifik serta menyeluruh hubungan unsur bahasa dengan sudut pandangan pengarang melalui bukti konkrit. Bukti konkrit tersebut berfungsi sebagai penunjuk gaya bahasa pengarang teks kajian ini. Pengarang *7 Hari Mencintaiku* memanfaatkan unsur modaliti terutama elemen leksikal kata kerja kognitif epistemik dengan baik untuk memperlihatkan sudut pandangannya selain daripada unsur bahasa yang lain. Kajian ini telah dianggap berjaya mencapai objektif kajian yang memperlihatkan pendeskripsian bentuk modaliti dicapai melalui tatabahasa ragam sudut pandangan Paul Simpson (1993) yang disertai oleh penjadualan kekerapan dan pola bagi setiap elemen dan jenis modaliti, serta penginterpretasian dan penilaian teks kajian yang dicapai melalui penghuraian bentuk modaliti.

Novel *7 Hari Mencintaiku* membuktikan bahawa unsur modaliti bukan sahaja hadir dalam mencirikan suasana kata kerja seperti yang dinyatakan oleh Asmah Hj. Omar (2009) tetapi menjadi unsur tatabahasa yang mendukung makna (Haslina Haroon dan Hasuria Che Omar 2016). Unsur modaliti memberi makna kepada teks kajian seperti yang dinyatakan oleh Simpson (1993) "*perspective and particular modals can add colour and feel to the text*". Analisis bentuk modaliti relevan dalam mengkaji sudut pandangan kerana berupaya menunjukkan cara pengarang membentuk makna. Penggunaan

modaliti dalam teks merakamkan deria, pemikiran dan perasaan pengarang. Selain itu, menurut Simpson (1993) sudut pandangan pengarang boleh dikawal oleh pengarang berdasarkan fungsi modaliti itu sendiri. Hal ini terbukti melalui bentuk modaliti yang digunakan oleh pengarang dalam setiap jenis modaliti mengawal watak, terutama watak Khuzairi yang sentiasa tekal perwatakannya dalam setiap komponen. Watak Khuzairi menggambarkan bentuk modaliti boleh memperlihatkan perwatakannya secara tidak langsung seperti mengambil berat, positif, baik hati, lemah lembut dan sentiasa cuba memahami perasaan dan perbuatan serta pemikiran isterinya

Di samping itu, ahli stilistik di Barat mengkaji sudut pandangan pengarang berdasarkan unsur deiksis, transitiviti, kata ganti nama, modaliti, gaya dan strategi ujaran, maklumat lama dan maklumat baru yang wujud dalam karya sastera seperti yang digariskan oleh Short (1999). Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat kajian masa hadapan boleh meneliti unsur bahasa yang lain seperti deiksis dan transitiviti untuk pengkajian sudut pandangan karya kreatif bahasa Melayu dalam kajian stilistik. Pengkaji juga menyarankan pengkajian seterusnya mengembangkan skop pengkajian pengkaji dengan menumpukan kepada setiap watak dan komponen bab melalui taburan modaliti. Hal ini untuk mendapatkan gambaran yang lebih empirik tentang pemikiran pengarang dalam setiap komponen naratif. Lanjutan daripada itu, kajian masa hadapan juga boleh menganalisis karya-karya sastera yang lain, seperti genre cerita pendek ataupun prosa atau tema novel yang lain seperti peperangan, sejarah kerana pengkaji yakin dapatan kajian akan menunjukkan satu gaya pengarang yang berbeza kerana pengarang yang berlainan mungkin akan memperlihatkan kecenderungan yang berbeza.

RUJUKAN

- Abdurahman. 2011. Teori modalitas sebagai materi pembelajaran bahasa Indonesia. *Jurnal Bahasa Dan Seni Unp*. 2(1): 1-9.
- Al-Alami. S. 2019. Point of view in narrative. *Theory and Practice in Language Studies* 9(8): 911-916
- Anwar Ridhwan. 1985. *Sudut Pandangan Dalam Cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloor, T. & Bloor. M. 1995. *The Functional Analysis of English*. London: Arnold.
- Borgogni, D. 2016. The Thick and Black Clouds of Obloquie': Modality and point overview in Abiezer Coppe's A Remonstrance. *Open Linguistics* 2: 636-649.
- Dan Shen. 2014. Stylistics and narratology. Dlm. *The Routledge Handbook of Stylistics*, disunting oleh Burke, M. London: Routledge.
- Diasamidze, I. 2014. Point of view in narrative discourse. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 158: 160-165.
- Fowler, R. 1979. *Linguistics and the Novel*. London: Methuen.
- Fowler, R. 1996. *Linguistics Criticism*. Oxford: Oxford University Press.
- Emike, J. 2014. A stylistic appraisal of ayi kwei armah's the beautiful ones are not yet born. *Global Journal of Human Social Science: Arts & Humanities – Psychology* 14 (5): 1-9.
- Halliday, M.A.K. 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Haslina Haroon & Hasuria Che Omar. Kata bantu ragam dalam terjemahan Inggeris Melayu. *Jurnal Bahasa* 6 (2): 191-212.
- Imran Ho Abdullah. 1993. *The Semantics of The Modal Auxiliaries of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iwamoto N. 2007. Modality and Point of View in Media Discourse. *The Human Studies: Kanagawa University* 173-200.
- Leech, G. & Short, M. 1981. *Style in Fiction: A Linguistic Introduction to English Fictional Prose*. London: Longman.
- McIntyre, D. 2006. *Point of View in Plays: A Cognitive Stylistics Approach to Viewpoint in Drama and Other Text-Types*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2006. Gaya hipotaksis dan parataksis: suatu analisis stilistik. Disertasi ijazah doktor falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Petaling Jaya, Selangor.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2013. *Teori Sistemik-Fungsional dalam Stilistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2017. *Stilistik dalam Cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2021. Sudut pandangan dalam Cereka Melayu. *Jurnal Bahasa* 2(1): 23-40.
- Neary, C. 2014. Stylistics, Point of View and Modality. Dlm. *The Routledge Handbook of Stylistics*, disunting oleh Burke, M. New York. Routledge.
- Palmer. F. R. 1986. *Mood and modality*. Cambridge: Cambridge University.
- Palmer, F. R. 2003. Modality in English: Theoretical, descriptive and typological issue. Dlm. *Modality in Contemporary English*, disunting oleh R. Fachhinetti, M. Krug, Palmer, F., 1-17. Berlin, Germany: Mouton De Gruyter.
- Parina, J.C. & Dasha De Leon, K. 2014. A stylistic analysis of the use of modality to identify the point of view in a short story. *The Southeast Asian Journal of English Language Studies* 20 (2): 91-101.
- Short, M. 1996. *Exploring the Language of Poems, Plays and Prose*. London: Longman.
- Simpson, P. 1993. *Language, Ideology and Point of View*. London: Routledge.
- Simpson, P. 2004. *Stylistics: A Resource Book for Students*. London: Routledge.

Nurul Atiqah Nor Azman
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: na.nurulatiqahazman@gmail.com

Mohammad Fadzeli Jaafar
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: fadzeli@ukm.edu.my

Tismo, S.B. 2008. Point of view in six matsumoto stories: A stylistic analysis. *A Journal of Southern Phillipines* 30 (1): 23-65.

Van Der Boom, I. 2009. Point of View in the Da Vinci Code: A stylistic analysis of the Da Vinci Code. <http://www.pala.ac.uk/uploads/2/5/1/0/25105678/vanderbom2009.pdf> [4 Julai 2017].

Verdonk, P. 2002. *Stylistics*. Oxford: Oxford University Press.

Wales, K. 2001. *A Dictionary of Stylistics*. Harlow: Longman.